

Denggi: Jangan tolak ansur lagi

KOSMO 5/1/09 M/S 10

Oleh ASRON MUSTAPHA
mohdasron.mustapha@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR - Jangan kompromi lagi!

Itu desakan orang ramai yang mahu pihak berkuasa bertegas mengenakan kompaun atas kesalahan membiak nyamuk dan secara tidak langsung menyumbang kepada menularnya wabak denggi dan chikungunya.

Ada yang berpendapat, mentaliti masyarakat tidak akan berubah jika pihak berkuasa tidak konsisten dalam menguatkuasakan peraturan itu.

Kebimbangan itu berasaskan kepada peningkatan korban kes denggi kepada 108 tahun lalu, naik 10 mangsa berbanding 2007 manakala Chikungunya pula kini mencatatkan hampir 4,200 kes.

Seorang penduduk pangsapuri Pudu Hulu di sini, Ghazali Ahmad, 43, berkata, bulan lepas sahaja tiga kes denggi telah dikesan di pangsapuri itu, semuanya didakwa berpunca daripada sikap membuang bekas plastik di merata-rata tempat.

"Ia menyebabkan air bertakung dan membiakkan nyamuk," ujarnya.

Katanya, kerajaan wajar lebih tegas mendenda mereka yang bersalah sambil tidak melupakan aspek pendidikan.

Langkah itu turut disokong oleh seorang lagi penduduk, Zulkifli Abd. Ralib, 45, yang mahu kerajaan melakukan tindakan serius jika ingin menangani masalah penyakit yang dibawa oleh nyamuk.



OMAR



GHAZALI

"Cuba lihat pangsapuri ini. Walaupun pelbagai memo dan nasihat dibuat, mereka tetap tidak ambil kisah.

"Tetapi bila kena denggi pihak berkuasa yang dipersalahkan sedangkan mereka semua tahu denggi boleh membawa maut," ujarnya.

Tinjauan *Kosmo!* di persekitaran pangsapuri itu membuktikan kebenaran dakwaan penduduk kerana terdapat banyak air bertakung akibat pembuangan sampah di merata tempat.

Paling ketara, terdapat ratusan jentik-jentik ditemui dalam sebuah topi keledar buruk yang berisi air bertakung.

Tinjauan di Perumahan Awam Flat Sri Melaka di sini juga menunjukkan keadaan sama.

Sampah seperti bekas makanan, tin minuman dan tayar dibuang sesuka hati sehingga menyebabkan air bertakung.

Seorang penghuni, Omar Shariff, 35, berkata, keadaan itu berlaku kerana penduduk mengambil sikap mudah dan malas.

Kompaun Denggi




- Maksimum RM500 di bawah Seksyen 25 Akta Pemusnah Serangga Pembawa Penyakit 1975 (Pindaan 2000).

Jika gagal membayar, denda berikut boleh dikenakan:

- Kesalahan pertama: Denda tidak melebihi RM10,000 atau penjara tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya sekali.
- Kesalahan kedua: Denda tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali.
- Denda harian: Denda tidak melebihi RM500 bagi setiap satu hari kesalahan itu diteruskan sehingga punca pembiakan dihapuskan.

Sumber: Cawangan Penyakit Bawaan Vektor, Kementerian Kesihatan.



TOPI keledar yang dibuang ini digenangi air yang penuh dengan jentik-jentik di pekarangan pangsapuri Pudu Hulu, Kuala Lumpur semalam.